

# Fahami, kuasai konsep jana Melayu Global

## Kita tidak boleh berpuas hati sebelum jadi bangsa hebat pada peringkat antarabangsa



Oleh **Zainuddin Ayip dan Wan Hazmir Bakar**

PADA Perhimpunan Agung Umno tahun lalu, Datuk Seri Najib Razak mengutarakan lima pelan tindakan untuk dilaksanakan ahli Umno pada semua peringkat dalam menjana Melayu 'Glokal' pada masa depan. Ketika itu, Timbalan Presiden Umno menggariskan tindakan dengan menjana Melayu Global melalui ilmu dan pendidikan, menjana ekonomi untuk pembangunan Melayu Global, Melayu Global berpaksikan penghayatan agama, memperkuat jati diri Melayu Global melalui transformasi budaya dan memperkasa politik Melayu Glokal berteras idealisme perjuangan.

Kini, setelah lebih setahun berlalu, ramai ahli Umno dan orang Melayu sendiri bertanyakan perkembangan, kesan dan hasilnya. Justeru pada pertemuan dengan *Berita Harian* di kediamannya di Putrajaya, Khamis lalu, beliau yang juga Timbalan Perdana Menteri berkata: "Saya melontarkan konsep Melayu Glokal ini sebagai satu konsep untuk dihayati orang Melayu kerana sekiranya kita hendak menjadi bangsa yang cemerlang, kita tidak harus cemerlang dalam negara saja, sebaliknya, sebagaimana kita tahu dalam era globalisasi ini, dunia sepatutnya menjadi medan pertarungan.

"Oleh itu, sekiranya kita ingin mengangkat martabat dan maruah orang Melayu dan negara Malaysia, kita mesti dianggap atau dilihat sebagai bangsa yang hebat di arena antarabangsa," katanya, sambil memberitahu perkara itu akan disentuh dalam ucapannya pada perhimpunan yang bermula esok.

Apa pun, laluan untuk melahirkan Melayu Global bukan mudah, tetapi Najib mahu bangsa Melayu bersungguh-sungguh menjana impian ke arah itu terutama dalam bidang strategik. Apa yang difikirkan strategik, maka di situlah orang Melayu perlu menguasai kejayaan yang boleh diiktiraf sebagai hebat, cemerlang dan terbilang.

Dalam apa bidang pun, sekiranya mereka yang berjaya itu terdiri daripada anak kampung, mereka pertama kali harus melalui sistem pendidikan yang diasaskan Umno, kedua; mereka dapat menguasai teknologi dan ketiga; mereka mendapat kejayaan yang terserlah pada peringkat antarabangsa.

Malah, Perdana Menteri sering menyebut 'towering Malay' dan bagi Najib, Melayu Global adalah selaras dengan usaha melengkap konsep ini untuk melahirkan personaliti unggul di kalangan orang Melayu.

Soalnya, adakah matlamat Melayu Global sudah tercapai? "Ini adalah satu perjalanan yang jauh, destinasinya bukanlah boleh sampai dalam masa singkat. Sebab ini adalah konsep, konsep yang abstrak sedikit dan ia juga relatif kerana jika kita dianggap hebat, ia bukan saja hebat hari ini.

"Kita juga tidak harus lupa bahawa orang lain pun sedang berusaha untuk memajukan diri dan bangsa me-

reka. Jika kita hebat hari ini tidak semestinya kita hebat pada masa akan datang melainkan kita memacu kejayaan kita dengan mencapai lonjakan berganda dalam apa saja kita lakukan konsep *absolute* dan realiti.

"Kalau hari ini kita rasa kedudukan kita sudah selesa tetapi tiba-tiba orang lain lebih produktif dan berdaya saing dan menguasai teknologi dan sebagainya, mereka boleh pintas kita dan jadi lebih cemerlang daripada kita pada masa depan. Ia bukan sesuatu perbandingan yang statik, ia mesti sentiasa bergerak mengikut keadaan semasa," katanya.

Timbalan Presiden Umno menasihatkan orang Melayu tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian sederhana. "Saya takut kita hanya mempertahankan satu keadaan tetapi sebenarnya keadaan itu *mediocre* sebab orang lain lebih jauh ke depan dan lebih berusaha tetapi kita nampak seolah-olah kita ini selesa tetapi hakikatnya kita berada dalam keadaan *mediocre*, maka kita tidak boleh mempertahankan apa-apa yang *mediocre*, kita mesti kena cari usaha untuk mencemerlangkan orang Melayu dalam semua bidang, lebih-lebih lagi yang strategik dan kritikal," katanya.

### "Kita mesti memperkasakan kedudukan orang Melayu bukan saja di luar bandar tetapi di bandar juga. Ini bergantung kepada kejayaan kita untuk menempatkan orang Melayu dalam bidang yang ada pertumbuhan lebih dinamik"

Kajian Yayasan Strategik Sosial (April 2004) menyatakan, 48 peratus daripada 15.35 juta Bumiputera atau seramai 74 juta orang berada pada kedudukan terbawah klasifikasi sosial berbanding 21 peratus Cina dan 39.6 peratus India. Hanya sekitar 13 peratus atau 1.99 juta berada di kelompok teratas berbanding 34 peratus Cina dan 20 peratus India.

Berdasar kepada purata kebangsaan sekitar 18.9 peratus, Bumiputera berada 10 peratus di bawah kaum Cina atau 5.9 peratus di bawah kaum India bagi kumpulan teratas. Bagi kumpulan pertengahan seramai 5.98 juta orang atau 39 peratus adalah Bumiputera berbanding 45 peratus Cina dan 50 peratus India.

Oleh kerana 70 peratus penduduk luar bandar adalah Bumiputera, me-rekalah yang menerima akibat paling teruk. Antara 1983 dan 1990, eku-iti Bumiputera meningkat sebanyak 2.3 peratus iaitu daripada 18 peratus pada 1983 kepada 20.3 peratus pada 1990. Yang menyedihkan lagi, antara 1988 ke 1990 kenaikan hanya 0.9 peratus iaitu daripada 19.4 peratus ke-

pada 20.3 peratus. Pada masa yang sama modal Cina meningkat 12.3 peratus daripada 32 peratus pada 1988 kepada 44.9 peratus pada 1990.

Memperjelaskan hal ini, Najib berkata: "Kita mesti memperkasakan kedudukan orang Melayu bukan saja di luar bandar tetapi di bandar juga. Ini bergantung kepada kejayaan kita untuk menempatkan orang Melayu dalam bidang yang ada pertumbuhan lebih dinamik. Kalau mereka dalam bidang yang ada pertumbuhan tetapi perlahan, maka kuasa membeli me-reka, bukan mereka miskin tetapi pendapatan untuk dibelanjakan tidak mencukupi setelah ditolak bil api, air, rumah, kereta dan ditambah perbelanjaan lain seperti biaya sekolah anak, hiburan, membeli-belah dan rawatan.

"Bagi menjana kekayaan, kita mesti tahu bagaimana untuk meletakkan orang Melayu dengan kemampuan menjana kekayaan yang agak besar atau pun tinggi dengan kadar pertumbuhan, misalnya jika dia ada se-huah syarikat dan syarikat itu berprestasi tinggi, kita boleh senarai-kan dalam Bursa Malaysia supaya sahamnya bernilai dan ada penambahan secara lonjakan. Maka dalam sekelip mata orang Melayu itu ada kemampuan tinggi sebab nilai hartanya sudah bertambah kerana ada kesan berganda kekayaannya apa saham disenaraikan," katanya.

Timbalan Presiden Umno juga menyentuh kedudukan Melayu di bandar besar. Baginya, orang Melayu terbahagi kepada beberapa kategori, ada yang stabil kedudukannya, me-reka boleh dianggap kelas pertengahan - ada kediaman yang selesa mungkin rumah berkembar atau banglo sederhana, ada dua kereta, pembantu rumah Indonesia dan kehidupannya agak selesa tetapi tidak boleh dikatakan kaya atau tersenarai dalam kategori jutawan.

Ada kategori pegawai kerajaan yang bergantung kepada gaji dan apabila mereka bersara mereka terpaksa melalui sisa hidup mereka dengan duit pencen. Kalau anak me-reka berjaya, anak mereka boleh membantu kehidupan mereka agar lebih baik, tetapi jika anak mereka tidak berjaya, mereka hanya bergantung dengan duit pencen, walhal pencen mereka hanya separuh daripada gaji pokok, mereka ini mungkin menghadapi tekanan hidup jika ting-gal di bandar utama.

Kategori lain ialah mereka yang sudah menceburi bidang perniagaan dan menjadi usahawan berjaya.

Tapi, mahu tidak mahu harus diakui memang ada Melayu yang ting-gal di bandar masih miskin. "Sebab itu kita mahumenghapuskan kemiskinan tegar. Itu komitmen kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan untuk kumpulan ini kita tidak boleh beri mereka ikan tetapi joran supaya mereka boleh berdikari, mendapat latihan kemah-iran dan keusahawanan dan pin-jaman modal ini amat penting kita salurkan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Mereka boleh mengarahkan kerajaan untuk mencorakkan hidup mereka kepada yang baru tetapi ja-ngan bergantung terus menerus kepada kerajaan. Sekadar untuk mendapat latihan kemahiran dan modal asas, itu memang wajar, tetapi me-reka mesti berani menerokai pasaran terbuka.

"Bagi konteks Melayu di Pulau Pi-

ang, situasinya berlainan sedikit sebab mereka tidak ada kuasa mutlak. Kita berkongsi kuasa. Ketua Menteri pula bukan daripada Umno walau-pun dalam BN, sebab itu orang Me-layu Pulau Pinang mahukan bantuan daripada Kerajaan Pusat dengan ha-rapah mereka tidak terpinggir atau ketinggalan dalam arus pertumbu-

### "Bagi menjana kekayaan, kita mesti tahu bagaimana untuk meletakkan orang Melayu dengan kemampuan menjana kekayaan yang agak besar dengan kadar pertumbuhan, misalnya jika dia ada sebuah syarikat dan syarikat itu berprestasi tinggi, kita boleh senaraikan dalam Bursa Malaysia"

han ekonomi yang begitu pesat.

"Apa yang jelas, Pulau Pinang unik sedikit kerana dari segi hartanah yang dimiliki Melayu sangat kecil dan kawasan yang milik kerajaan pun tak banyak. Jadi, jika tidak ada program khas untuk Melayu Pulau Pinang maka kedudukan mereka akan menjadi terlebih terhimpit sama ada di pulau atau Seberang Prai. Kita tidak mahu orang Melayu di sana berasa tertolak ke kawasan Bal-ik Pulau saja," katanya.

Najib juga memberitahu bahawa kerajaan menyediakan program un-tuk memajukan Melayu Pulau Pinang.

"Satu, melalui Kerajaan Pusat dan Perdana Menteri sUdah mengumum-kan bahawa Menteri kewangan Ke-dua Tan Sri Nor Mohamad Yacob akan mengawasi program dan pe-runtukan Kerajaan Pusat.

"Kedua, melalui Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang untuk meng-endalikan jentera pada peringkat kerajaan negeri," katanya.

Bagaimanapun, kedudukan Mela-yu di bandar besar juga perlu diberi perhatian. Ini kerana bandar seperi Kuala Lumpur, Georgetown, Ipoh, Taiping, Klang, Seremban, Melaka, yang saya sifatkan sebagai bidang Batu Pahat atau Johor Bahru, pre-mis perniagaan yang dimiliki Bu-miputera tidak sampai 11 peratus.

Dalam hal ini, Najib berkata, orang Melayu masih memerlukan campur dustri yang potensinya begitu ter-hatgan kerajaan secara positif. Kalau

tidak walaupun mereka bersemangat tinggi untuk berniaga, kemampuan mereka amat terbatas seperti sewa yang terlalu tinggi di kompleks be-li-belah.

"Sebab itu dalam perhimpunan agung lalu saya menggambarkan hasrat kerajaan untuk menyusun semula UDA supaya dijadikan satu badan ala UDA yang asal tetapi de-ngan ciri tambahan. Alhamdulillah kerajaan sudah bersetuju untuk mewujudkan Lembaga Kemajuan Ekonomi Bandar yang mana ia di-harap dapat memelopori usaha pe-nempatan orang Melayu di bandar selepas ketiadaan sesuatu institusi yang benar-benar boleh membantu orang Melayu dibandar," katanya.

Beliau mengakui masih ramai pe-niaga Melayu yang menceburi per-niagaannya berbentuk tradisional i-aitu bidang yang kadar pertumbuhannya amat terhad dan ramai pula yang buat perniagaan yang sama.

"Jadi, bila ada lambakan dalam sesuatu jenis perniagaan, maka tiada yang dapat keuntungan besar. Ini adalah kekangan yang mengikat per-tumbuhan orang Melayu sebab me-reka berada dalam jenis perniagaan yang saya sifatkan sebagai bidang yang sampai waktu Maghrib atau hujung (*sunset industry*). Mereka da-lam bidang yang bilangan begitu ra-mai atau ada lebihan atau dalam in-dustri yang potensinya begitu ter-had," katanya.